

Paus 'pengintip Rusia' masuki Sweden

HM 01/06/23 M/S 29
Stockholm: Seekor paus beluga yang dikatakan 'pengintip Rusia' memasuki perairan Sweden, baru-baru ini.

Paus digelar Hvaldimir ditemukan memakai tali pinggang dilengkapi kamera GoPro dan klip mengandungi tulisan *Equipment of St Petersburg* (peralatan milik St Petersburg) dan dipercayai sedang dilatih tentera Rusia, lapor BBC.

Namun, Rusia menafikan kewujudan haiwan itu dalam sebarang program yang bertujuan melatih mamalia laut sebagai pengintip.

Hvaldimir kini berada di perairan Sweden selepas empat tahun berenang ke selatan menyusuri pantai Norway.

Paus beluga yang jinak ini mula menghampiri Pulau




FOTO menunjukkan ikan paus beluga berkenaan ketika ditemukan di perairan di utara Norway pada 2019. - AFP

Ingoya yang terletak 415 kilometer dari Murmansk, lokasi Armada Utara Tentera Rusia.

Seorang ahli biologi marin OneWhale, Sebastian Strand berkata, mungkin terdapat beberapa sebab yang menyebabkan peruba-

han pergerakan ikan paus itu, baru-baru ini.

"Kami tidak tahu mengapa ia memecut dengan pantas, terutama ketika ia bergerak meninggalkan persekitaran semula jadinya," katanya

Menurut Strand, terdapat

dua kemungkinan perubahan tingkah lakunya iaitu kemungkinan mengalami tahap hormon yang tinggi yang mendorongnya untuk mencari pasangan.

Tambahnya, paus yang dipercayai berusia 13 dan 14 tahun itu sedang berada pada usia dengan tahap hormon yang sangat tinggi.

Selain itu, mungkin paus berasa kesepian kerana ikan jenis Beluga ini adalah sejenis yang sangat sosial.

Oleh itu, pergerakannya adalah untuk mencari spesies yang sama sepertinya.

Paus Beluga cenderung untuk hidup di kawasan perairan Artik yang berais di sekitar Greenland, Rusia, Alaska dan utara Norway, dan ada yang berhijrah ke kawasan lain semasa musim panas. - Agensi